

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/2016**

=====

**KELULUSAN PERMIT SEMENTARA PENGELUARAN BAHAN  
BATUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN DAN TANAH HAK MILIK  
NEGERI SELANGOR**

-----

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan agensi-agensi teknikal berkenaan dengan Kelulusan Permit Sementara Pengeluaran Bahan Batuan Di Atas Tanah Kerajaan dan Tanah Hak Milik Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2016 pada 23 Jun 2016 yang telah disahkan oleh MMKN ke 22/2016 pada 13 Julai 2016.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Selangor Bil.2/2016 bertarikh 3 Mei 2016 yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, mesyuarat telah bersetuju bahawa kelulusan permit sementara bahan batuan (tanah merah) di atas tanah Kerajaan kurang dari lima (5) ekar adalah di bawah bidang kuasa PTD;

- 2.2 Mesyuarat turut bersetuju bahawa jika mana-mana permohonan yang melibatkan keluasan yang kecil di atas tanah Kerajaan yang perlu diangkat sehingga ke peringkat MMKN akan menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan kelulusan dan seterusnya kerja-kerja tanah di kawasan projek juga terjejas terutama sekali yang melibatkan pembangunan; dan
- 2.3 Sehubungan itu, MMKN ke 21/2016 pada 23 Jun 2016 telah menimbang dan meluluskan Kelulusan Permit Sementara Pengeluaran Bahan Batuan Di Atas Tanah Kerajaan dan Tanah Hakmilik Negeri Selangor.

### 3. BIDANG KUASA PERTIMBANGAN PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan melibatkan jenis kategori tanah seperti **Jadual 1** di bawah :

Bidang Kuasa Pertimbangan Permohonan	Kategori Pemilikan Tanah		
	Kerajaan	Hak Milik Anak Syarikat	Hak Milik
a) Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Bahan Batuan dan Mineral Negeri Selangor; dan	<b>Melebihi 5 ekar</b>	<b>Melebihi 5 ekar</b>	<b>Melebihi 50 ekar</b>
b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)			

Bidang Kuasa Pertimbangan Permohonan	Kategori Pemilikan Tanah		
	Kerajaan	Hak Milik Anak Syarikat	Hak Milik
c) Pentadbir Tanah Daerah	5 Ekar dan ke bawah	5 Ekar dan ke bawah	50 Ekar dan ke bawah

*Jadual 1 : Kategori Mengikut Bidang Kuasa Pertimbangan Permohonan dan Kelulusan Permit*

#### 4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT

4.1 Permohonan permit sementara hanya melibatkan bahan batuan berikut :

- i. *Earth* (tanah);
- ii. *Laterite* (tanah merah);
- iii. *Loam* (lumpur);
- iv. *Clay* (tanah liat);
- v. *Coral* (karang);
- vi. *Shell* (cengkerang); dan
- vii. *Shale* (syale);

4.2 PTD hendaklah memastikan permohonan permit sementara mematuhi kesemua syarat-syarat berikut :

4.2.1 Permohonan permit sementara bahan batuan (Borang 4B dan 4C) hanya melibatkan **bahan batuan** yang disenaraikan di **Para 4.1** sahaja;


- 4.2.2 Pemohon membayar kadar royalti mengikut **Kaedah 24, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003**;
- 4.2.3 Tempoh permit sementara ialah **selama tiga (3) bulan**;
- 4.2.4 Pemohon hendaklah melantik Jurukur Bahan (*Quantity Surveyor*) yang bertauliah bagi setiap permohonan untuk pengesahan keluasan dan kuantiti pengeluaran;
- 4.2.5 Kadar pengeluaran bahan batuan adalah **bergantung kepada pengesahan kuantiti** oleh Jurukur Bahan (*Quantity Surveyor*) yang dibuat semasa permohonan, dan proses pengeluaran bahan batuan tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa permit (tiga (3) bulan);
- 4.2.6 Bagi permohonan yang melibatkan bahan batuan tanah merah, ulasan daripada pihak **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** hendaklah diperolehi bagi mengesahkan tanah merah yang dikeluarkan **tidak mengandungi bijih mineral** seperti **Bijih Bauksit dan Bijih Besi** atau **bijih mineral lain**; dan

4.2.7 Sekiranya pihak pemohon **melanggar mana-mana syarat-syarat** yang telah ditetapkan, PTD boleh **membatalkan permit sementara dengan serta merta.**

**5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

5.1 Pemakaian pekeliling ini akan membatalkan Pekeliling PTGS Bilangan 9 Tahun 2007 dan Arahan Pengarah Tanah Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2010;

5.2 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **serta merta.**

  
(AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)  
Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan.  
Tarikh: *1 September 2016*